

Dialog: Penilaian perlu dibuat terlebih dulu

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

NEW DELHI, Jumaat — Keputusan sama ada hendak meneruskan dialog antara Asean dan Australia hanya akan ditentukan oleh Menteri Luar kelima-lima negara pertubuhan itu setelah penilaian mengenai mesyuarat beberapa pemimpin dengan perdana menteri negara itu diteliti.

Menteri Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie mengesahkan malam tadi beliau serta Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew akan mengemukakan laporan mengenai perbincangan mereka dengan Perdana Menteri Australia, Bob Hawke kepada rakan-rakan mereka.

Tan Sri Ghazali, penyelaras dialog antara Asean dan Australia, percaya Sidhi Savetsila dari Thailand akan turut memberi pandangan hasil dari pertemuan beliau dengan Hawke di Bangkok baru-baru ini.

Perselisihan faham antara pertubuhan itu dan Australia bermula bila Menteri Luar Australia, Bill Hayden membuat ucapan yang bercanggah dengan

prinsip pencerobohan tentera Vietnam di Kampuchea.

Dalam perbincangan hampir 75 minit di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Australia itu, penjelasan Hawke tidak banyak berubah dari apa yang dinyatakannya di Bangkok tapi para pemimpin Asean itu mendapat gambaran Hawke ikhlas dalam usahanya untuk memperbetulkan keadaan.

Selaras dengan itu, Hawke mengulangi kenyataan beliau bahawa negaranya tetap akan menghubungi Asean mengenai isu Kampuchea dan "tidak akan melakukan sesuatu yang akan menjelaskan usaha Asean untuk mencari penyelesaian politik kepada masalah Kampuchea".

Tan Sri Ghazali menjelaskan soal sama ada dialog itu akan diteruskan tidak disentuh dalam perbincangan itu.

"Perbincangan itu bukanlah satu ujian kepada Hawke seperti mana yang dikatakan oleh setengah pihak. Kita tidak memaksa Hawke memberi penjelasan.